

Kemudahan internet bukan medan penyebaran fitnah

Seperi yang kita sedia maklum, segala aktiviti pada masa kini banyak bergantung kepada penggunaan internet. Daripada mencari resipi, membayar bil, membaca surat khabar, membeli barangan keperluan, pendek kata segala-galanya menggunakan kemudahan internet.

Namun, ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan kemudahan ini dengan menyebarkan fitnah, menyampaikan berita palsu dan pelbagai lagi.

Manfaat kemudahan

Oleh yang demikian, kita sepatutnya memanfaatkan kemudahan ini sebaik mungkin dengan menjadikan laman sosial sebagai medium penyebaran ilmu serta maklumat, dan bukannya sebagai tempat penyebaran fitnah dan hasutan.

Menyentuh perihal hak kebebasan bersuara, mungkin ramai di antara kita tidak tahu

atau kurang pendedahan mengenai undang-undang internet, lantas tanpa disedari ada tindakan mereka yang boleh didakwa di mahkamah.

Isu cetus kontroversi

Misalnya mutakhir ini, pelbagai isu berbangkit yang mencetuskan kontroversi di media sosial seperti isu politik. Hakikatnya, segala maklumat yang diperoleh dan dijaja di internet ini kebanyakannya datang dari sumber yang tidak jelas. Malah fakta yang dikeluarkan juga terdapat banyak kekeliruan.

Contoh yang paling jelas adalah kenaikan harga barang selepas pilihan raya. Fakta ini jelas mengelirukan banyak pihak apabila ada yang tidak bertanggungjawab menyebarkan berita kononnya harga barang dinaikkan selepas pilihan raya.

Walau bagaimanapun, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,



Rakyat perlu **memanfaat kemudahan internet** disediakan dengan tidak menyalahgunakan untuk fitnah. [GAMBAR HIASAN]

Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Saripuddin Kasim ketika diminta mengulas mengenai perkara itu menafikan dakwaan pihak itu.

Natijahnya, ia bukan sahaja menjejaskan imej kerajaan, tetapi ia turut memberi tekanan kepada rakyat kerana untuk memikirkan kos sara hidup yang saban hari

semakin meningkat.

Oleh itu, semua pihak harus memberi perhatian serius terhadap isu ini kerana kemudahan internet disediakan kerajaan ini untuk manfaat semua dan bukannya dijadikan medan penyebaran fitnah untuk kepentingan diri.

Husna Ahmad Dimiyati
USIM